BH ONLINE

Nilai semula dasar ekonomi pasca pandemik ikut keperluan semasa

Oleh Mohd Samani Zainal
bhrencana@bh.com.my

Pengerusi Yayasan Pusat Pilisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)

Adakalanya kita begitu gusar dan tidak keruan kerana pandemik COVID-19 berpanjangan seperti tiada noktah. Pandemik Black Death mengorbankan hingga 60 peratus populasi Eropah daripada 1346 hingga 1353 hanya berakhir selepas tujuh tahun.

Spanish Flu bermula pada 1918 berakhir hanya selepas setahun tetapi hampir 500 juta populasi manusia sebiruh dunia terkena jangkitan. Begitu juga COVID-19 dengan kuasa Tuhan akan turut berakhir dalam tempoh tertentu.

Sebagai manusia, kita diberikan kebolehan ikhtiar bagi mengakhiri pandemik ini. Ikhtiar dilakukan dengan menghasilkan vaksin untuk mengatakan antibodi tubuh dan melakukan kawalan kendiri bagi mengekang jangkitan. Kerajaan di seluruh dunia sangat terus kerana berlepas tanaman rakyat mengakhiri pandemik ini.

Kerajaan menurut ahli falsafah Jerman, Hegel ialah pencapaian tertinggi ketamadunan manusia. Ini kerana kerajaan menjadi institusi komunikasi terhasil daripada sintesis antara nilai kalinarga dengan keperluan ekonomi manusia.

Tugas kerajaan ketika pandemik bukan hanya menyelamatkan nyawa rakyat, tetapi memastikan ekonomi mereka terus terjamin. Ekonomi di sini bermaksud memastikan setiap isi rumah daripada ibu, bapa dan anak dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan selesa.

Sekurang-kurangnya keperluan setiap isi rumah dapat dipenuhi kerajaan. Tujuan akhir (telos) pengurusan ekonomi bertitik tolak daripada makna 'ekonomi' yang berasal daripada perkataan Greek Oikonomia bermaksud pengurusan isi rumah sebuah keluarga.

Asas pengurusan ekonomi adalah memastikan setiap isi rumah dapat memenuhi keperluan dan kehendak mereka selaras.

Dalam hal ini, kerajaan bergentasan merangka dasar ekonomi tepat bagi memenuhi keperluan dan kehendak terhabit. Kerajaan perlu mentar kembali apakah perkara membentuk keperluan dan kehendak ini?

Pasca pandemik nanti keperluan dan kehendak akan berubah. Sesuatu menjadi kehendak sebelum pandemik mungkin sudah menjadi keperluan pasca pandemik.

Misalnya, Internet kelajuan tinggi sekarang dan akan datang sudah menjadi suatu keperluan. Ia bukan lagi kehendak atau perkhidmatan mewah. Setiap isi rumah perlu mempunyai Internet stabil dan kelajuan tinggi untuk pendidikan virtual anak. Ia juga keperluan asas pekerja yang bekerja dari rumah.

Selain itu, akses kepada kawasan lapang dan taman rekreasi juga menjadi kehendak untuk rakyat bersenam dan berjadah. Pastinya ini menjaga kesihatan mental rakyat apabila berada lama terkurung di rumah.

Kerajaan perlu mengiktiraf setiap isi rumah di kampung dan di luar bandar mesti mempunyai akses makanan harian, air bersih, kemudahan elektrik, kendaraan untuk bergerak, Internet stabil dan akses kepada kawasan lapang/taman rekreasi. Ini adalah enam keperluan mesti dipenuhi kerajaan bagi membentuk dasar ekonomi pasca pandemik.

Bagi tujuan ini, kerajaan perlu semula semula keperluan perbelanjaan setiap isi rumah di bandar dan di luar bandar pasca pandemik bagi memenuhi enam keperluan berkenaan.

Menurut Laporan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, keperluan isi rumah di Kuala Lumpur ialah RM5,915, manakala di Sabah ialah RM2,792 sebulan. Pasca pandemik kemungkinan besar data itu sudah tidak relevan lagi dan kesalahan perbelanjaan isi rumah mesti dianalisi kira.

Apakah dasar ekonomi perlu dilakukan kerajaan sekarang? Sudah tentu bagi memenuhi keperluan itu, kerajaan perlu memastikan adanya peluang pekerjaan berpendapatan tinggi bagi meningkatkan pendapatan isi rumah.

Pertamanya, menggalakkan pelaburan asing dengan mesarik kembali syarikat multinasional melabur di negara ini. Dua faktor utama menarik pelaburan asing, iaitu pertama, polisi kerajaan stabil dan kedua, insentif percukaian.

Fiskal polisi negara yang fokus kepada sistem percukaian menarik adalah amat penting. Cukai optimum diperlukan bagi menggalakkan pertumbuhan berkualiti dan menarik pelabur asing.

Cukai tinggi walaupun meningkatkan pendapatan negara, ia boleh mengurangkan pendapatan pelabur. Lama-kelamaan pelabur boleh menarik balik pelaburan mereka di negara ini. Cukai rendah boleh menggalakkan pertumbuhan pelaburan drastik tetapi pendapatan negara mungkin berkurang.

Rakyat digalakkan berbelanja untuk menyemarakkan semula ekonomi dalam negara. (Foto Bernama)

Oleh itu, cukai optimum dengan mengambil kira pendapatan negara dan keuntungan pelabur perlu menjadi faktor penentu perumusan cukai dikenakan atas pelabur serta perniagaan.

Pendapatan tinggi oleh pelabur akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Dengan kembalinya pelabur, pendapatan negara juga akan meningkat dan hasil itu mesti banyak dibelanjakan kepada pelaburan pembangunan serta kemudahan asas dalam negara.

Kerajaan tidak perlu takut untuk berbelanja kerana perbelanjaan pembangunan akan memberikan impak positif kepada ekonomi.

Pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, pentowang telekomunikasi di luar bandar, pelabuhan dan pengangkutan awam efisien akan memberikan lagi aktiviti ekonomi.

Selain itu, pendapatan negara juga boleh dipertingkatkan dengan mengurangkan ketirisan dalam projek kerajaan. Dalam hal ini, rasuah dan budaya 'ali baba' kontrak kerajaan perlu dihapuskan sama sekali. Tender kerajaan mesti dilakukan dengan telus dan kontrak hanya diberikan kepada syarikat benar-benar serius serta mempunyai kemampuan menyelesaikan kerja diberi.

Syarikat yang lebih 50 peratus memberikan sub-kontrak tidak boleh dibenarkan mendapat kontrak kerajaan. Akta Perbiman perlu dikuat lagi mendalam ia wujud kesalahan kepada syarikat 'mengalihbahkan' kontrak kerajaan.

Cukai seperti Cukai Keuntungan Modal (CGT) boleh diperkenalkan bagi mengenakan cukai kepada mereka mengambil saham dengan mendapat keuntungan luar biasa. Keuntungan luar biasa ini mungkin sesuatu subjektif dan kerajaan boleh menyerahkan definisinya.

Dasar seperti memberikan tunai kepada isi rumah mesti diteruskan. Ini terbukti tunai diberikan kepada isi rumah akan dibelanjakan kembali ke dalam pasaran. Rakyat digalakkan berbelanja supaya tunai ini berada dalam kitaran pasaran, sekali gus meningkatkan jualan produk dan perkhidmatan peniagaan dalam negara.

Ini juga menguntungkan anak muda yang membuat jualan dalam talian. Sudah trend kepada anak muda yang tidak lagi ingin terperangkap dengan kerja sepenuh masa di pejabat.

Pendek kata, dasar ekonomi pasca pandemik perlu berubah dan dinilai semula. Keperluan dan kehendak isi rumah perlu dianalisis semula supaya ia menggambarkan realiti semasa. Sistem cukai optimum perlu dikaji lagi mencapai keseimbangan antara pendapatan negara dengan menggalakkan pertumbuhan peniagaan dan pelaburan.

Paling penting, jihad kita atas gejala rasuah dan budaya ali baba mesti menjadi agenda utama negara. Jika ini dapat dihadkan pendapatan negara akan meningkat dan pendapatan itu akan dikembalikan semula dalam perbelanjaan pembangunan serta kemudahan asas untuk manfaat rakyat.

Sekiranya dasar ini dilakukan dan diperkasakan, kerajaan sebagai institusi penting ketamadunan manusia akan sentiasa diyakini rakyat demi kemakmuran rakyat. Rendak seribu daya, tak kendak seribu dalih.